

NO. SOALAN:16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 10 NOVEMBER 2014 (ISNIN)

SOALAN :

YB TAN KOK WAI [CHERAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah cara untuk memastikan bahawa agihan sama rata kemakmuran negara bila Malaysia transform menjadi negara berpendapatan tinggi pada 2020 sedangkan jurang pendapatan semakin melebar antara rakyat.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Secara umumnya, Malaysia telah berjaya mengurangkan ketidakseimbangan pendapatan rakyat secara keseluruhan. Ini ditunjukkan melalui pengurangan pekali Gini daripada 0.441 pada tahun 2009 kepada 0.431 pada tahun 2012.

Walaupun jurang pendapatan antara bandar dan luar bandar tidak banyak berubah antara tahun 2009 hingga 2014, jurang pendapatan antara bandar dan luar bandar pada tahun 2014 adalah lebih baik berbanding tahun-tahun sebelum daripada itu iaitu tahun-tahun 1980an dan 1990an. Bahagian pendapatan bagi isi rumah 40 peratus terendah juga meningkat daripada 14.3 peratus pada tahun 2009 kepada 14.8 peratus pada tahun 2012. Jurang pendapatan antara kaum yang semakin luas antara tahun 2009 ke 2014 tetapi lebih baik berbanding 1999. Dalam situasi di mana kebanyakan negara di dunia mengalami peningkatan dari segi ketaksamaan pendapatan, Malaysia terus menunjukkan kemajuan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sedar masih banyak perkara yang perlu dilaksanakan untuk mengurangkan ketidakseimbangan dan jurang pendapatan negara. Oleh sebab itu, dalam merangka Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kerajaan akan memberi penumpuan kepada *people's economy* supaya apabila negara

mencapai taraf berpendapatan tinggi, rakyat akan dapat merasainya.

Antara langkah yang telah diambil ialah:

- i. merangsang pertumbuhan ekonomi bagi mencipta peluang-peluang baru terutamanya kepada isi rumah berpendapatan rendah melalui peluang-peluang pekerjaan dan keusahawanan;
- ii. memperluaskan program pendidikan dan latihan kepada rakyat dengan memberi fokus kepada pembangunan kapasiti dan kapabiliti dalam kalangan isi rumah berpendapatan 40% terendah, termasuk masyarakat Orang Asli, Bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak;
- iii. pembangunan infrastruktur asas di luar bandar bagi menggalakkan aktiviti ekonomi dan meningkatkan produktiviti;
- iv. pembangunan secara bersepadu seperti agropolitan, *contract farming* dan sebagainya. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM685.5 juta yang dijangka memanfaatkan seramai 3,486 orang peserta di 14 lokasi yang dikenalpasti;
- v. program-program latihan bagi golongan khusus yang masih ketinggalan dalam pembangunan negara seperti masyarakat Orang Asli, Bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak; dan
- vi. rasionalisasi perlindungan sosial (*social protection*) dan jaringan keselamatan sosial (*social safety net*) yang meliputi bantuan kewangan secara langsung kepada golongan yang memerlukan seperti warga emas dan orang kurang upaya (OKU).

Dalam RMKe-11 nanti, Kerajaan akan mengumumkan strategi-strategi bagi memastikan jurang pendapatan dapat terus dikurangkan.

Sekian. Terima kasih.